



## Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia adakan Lawatan Kerja ke UMP

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah telah mengadakan lawatan kerja ke Kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk membincangkan proses kerjasama Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dengan The Northern Consortium UK Limited (NCUK) pada 28 Mei 2009 yang lalu.

Menurut Dato' Saifuddin, kerjasama ini dibentuk bagi menubuhkan satu Kampus Antarabangsa pelbagai Universiti atau Multi-University International Campus (MUIC).

"Kampus ini akan berfungsi sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran pegangan bersama sebelas universiti di bawah NCUK dan empat universiti MTUN.

"MUIC ini akan ditempatkan di semua universiti di bawah MTUN yang terdiri dari Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknikal Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)," katanya.

Lawatan itu adalah yang pertama dilakukan oleh beliau semenjak dilantik sebagai Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Dato' Saifuddin sebelum itu diberikan taklimat oleh Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Pengarah Eksekutif & Akademik, Dr. Terry Jevess.

Beliau juga dibawa melawat ke kampus tetap UMP di Kuala Pahang, Pekan bagi meninjau pembangunan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada pelajar.

Sementara itu, Naib Canselor UMP ketika ditemui berkata, sebagai ahli kepada MTUN, UMP bersedia memperkukuh jalinan kerjasama yang strategik dengan beberapa universiti luar negara yang berpotensi seperti di Timur Tengah dan China.

Melalui forum di MTUN, UMP dan semua Universiti Teknikal Malaysia akan memperluaskan jalinan kerjasama dengan beberapa universiti luar negara mengikut pasaran tertentu bagi setiap universiti di bawah MTUN.

"Hubungan kerjasama antara MTUN dan NCUK untuk mewujudkan MUIC ini bertujuan untuk menyediakan pusat pengajaran dan pembelajaran di mana para pelajar diberi peluang untuk melanjutkan pengajian mereka di universiti di bawah NCUK atau MTUN.

"Dengan sokongan dan kerjasama dari pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, saya percaya setiap ahli MTUN dapat menjalankan peranan untuk mempromosikan Malaysia sebagai hub antarabangsa bagi pengajian tinggi negara," kata Daing Nasir selepas memberi taklimat kepada Dato' Saifuddin.

